

# Guru pilih bersara awal, 5,000 jawatan perlu diisi setiap tahun

**Kebanyakan beri alasan isu keluarga, kesihatan**

Oleh Sarfha Mohd Ali dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Pendidikan mengesahkan ramai guru yang sudah berkhidmat lebih 30 tahun memilih untuk bersara awal atas pelbagai alasan terutama membabitkan isu keluarga dan kesihatan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata tindakan itu menjadi punca pengisian penjawat awam untuk jawatan guru dilakukan berterusan bagi menampung kekurangan berjumlah kira-kira 5,000 orang setahun.

Beliau berkata, KPM tidak menghalang permohonan guru ingin bersara awal, namun pihaknya tetap akan meneliti setiap permohonan itu terutama jika ia membabitkan kes berkaitan penurunan minat terhadap

profesion perguruan.

Bagaimanapun, katanya, adalah sesuatu yang normal untuk guru yang sudah berkhidmat lebih 30 tahun memilih bersara awal atas sebab tertentu.

"Pertama, ini kerana kehidupan guru terbabit sudah stabil (kedudukan kewangan) dan kebanyakannya mempunyai alasan yang positif. Namun, ada juga

alasan negatif, contohnya sudah tidak berminat mengajar.

"Jadi, bila mereka sebut tak minat, kita kaji lebih mendalam apa punca berlaku sedemikian. Sebab dulu, mereka terlalu bersemangat nak mengajar, tetapi apabila tiba satu peringkat umur, minat mula berkurang.

"Dalam hal ini, apa kita buat sekarang ialah memastikan pengisian semula dilakukan secara berterusan. Maksudnya, dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), kita berbincang kira-kira 5,000 guru akan bersara setiap tahun, termasuk mereka yang bersara wajib dan pilihan," katanya kepada *BH* ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Pada sidang Dewan Rakyat Ogos lalu, Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh, berkata kira-kira 5,000 guru memilih bersara awal setiap tahun sejak 2022 dengan majoritinya disebabkan kurang berminat mengajar menjadi punca keputusan itu diambil.

Beliau berkata, sebanyak 5,306 permohonan bersara awal diluluskan pada 2022, diikuti peningkatan kepada 6,394 pada tahun berikutnya, 5,082 permohonan tahun lalu dan 2,397 diterima setakat Mei tahun ini.

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, pihaknya akan meluluskan jika guru ingin bersara disebabkan masalah kesihatan kerana tugas guru adalah pentadbiran membabitkan manusia.

"Apabila dia menyatakan alasan kesihatan untuk bersara, kita akan lepaskannya," katanya.

## Alasan bebanan kerja

Ditanya alasan bebanan kerja, beliau mengakui perkara itu juga menyumbang dan dijadikan alasan guru mahu berhenti, namun jumlahnya tidak besar berdasarkan permohonan dikemukakan.

"Banyak alasan disebabkan masalah kesihatan atau keluar-

ga, contohnya nak beri tumpuan kepada keluarga.

"Ada juga yang terbabit dalam perniagaan, menjadi kontraktor dan usahawan, mereka mahu fokus dalam bidang itu yang tidak dapat dilakukan jika masih mengajar," katanya.

Sementara itu, Fadhlina berkata, KPM pada tahun ini sudah menyelesaikan 80 peratus masalah guru 'duka lara' yang disebabkan berjauhan dengan pasangan masing-masing.

"Pada tahun ini, kita berjaya menyelesaikan 80 peratus kes guru PJJ (tinggal berjauhan antara pasangan) dan KPM komited meneruskan usaha ini kerana kita faham, emosi guru terganggu jika urusan berkaitan keluarga masih gagal diselesaikan.

Pada Mei lalu, Fadhlina mengumumkan permohonan pertukaran bagi pasangan guru PJJ yang berkhidmat dua tahun membabitkan sistem e-GTukar yang sebelum ini menimbulkan rungutan kerana terpaksa menunggu lama untuk berpindah.

Beliau berkata, faktor keutamaan dilaksanakan KPM apabila menentukan penempatan perlu mengambil kira lokality bakal guru berkenaan.



“Ini menjadi punca pengisian penjawat awam untuk jawatan guru dilakukan secara berterusan bagi menampung kekurangan kira-kira 5,000 orang setahun”

Fadhlina Sidek,  
Menteri Pendidikan

